

# Kerajaan digital tingkat prestasi penjawat awam

Satu perkara tidak dapat kita sangkal, negara mengorak langkah dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Kebanyakannya dilihat berusaha mempersiapkan diri mengharungi revolusi ini sama ada suka atau tidak, supaya tidak ketinggalan.

Dalam skala lebih besar, pengurusan pentadbiran negara juga tidak terkecuali seperti pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini mengenai kerajaan digital (e-government).

Pelaksanaan ini dapat membantu menjadikan prosedur kerja lebih berstruktur dan meningkatkan produktiviti. Sebagai langkah pertama, kerajaan menyasarkan untuk mencapai 40 peratus perkhidmatan dalam talian.

Bagi merealisasikan perkara ini, Perdana Menteri memberi jaminan tiada pengurangan penjawat awam dibuat ketika ini serta penekanan terhadap 1.6 juta jumlah penjawat awam di seluruh negara akan dikekalkan.

Sudah pasti, pengumuman ini melegakan penjawat awam. Perkara seperti pengurangan atau kawalan saiz perkhidmatan awam sering menjadi topik membimbangkan dan sensitif, yang terkait dengan ekonomi, sosial dan politik negara.

Walaupun teknologi bergerak pantas saban hari, kita masih memerlukan kehadiran manusia untuk mengoperasikan sistem.

Selain itu, kerajaan sedang berusaha mengoptimumkan peranan penjawat



awam bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Laporan media baru-baru ini ada menyebut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, menyatakan kerajaan merangka Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia bagi menggantikan Dasar Kawalan Saiz sedia ada.

Melalui dasar baharu ini, nisbah 1:20

akan diaplikasikan dalam sistem perkhidmatan awam dengan nisbah itu menggunakan konsep satu penjawat awam berkhidmat untuk 20 rakyat.

Dasar itu mengambil kira pertambahan penduduk, penempatan atau bandar baharu yang membabitkan pembinaan hospital, balai polis, sekolah dan lain-lain lagi perlu dibangunkan.

Dengan pelaksanaan dasar ini, per-

incian tenaga kerja akan dipertimbangkan berdasarkan fungsi dan permintaan bagi setiap perkhidmatan melalui kaedah penyampaian perkhidmatan alternatif, serah urus fungsi atau *outsourcing* serta penswastaaan.

Justeru, dengan dasar baharu ini, kerajaan akan meningkatkan usaha secara aktif dalam memastikan prestasi penjawat awam berada pada tahap optimum dan efisien sejajar pelaksanaan e-government. Namun, difahamkan dasar ini masih pada peringkat kajian untuk perincian lebih teliti.

Berpaksikan prinsip taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, roh 'Berkhidmat Untuk Negara' menjadi keutamaan. Penjawat awam adalah tulang belakang negara dalam memastikan dasar kerajaan dapat dilaksanakan dan disampaikan secara efisien.

Penjawat awam dan rakyat saling memerlukan bagi memastikan kelangsungan ekonomi dan sosial yang stabil.

Justeru, untuk pelaksanaan kerajaan digital dan dasar optimum sumber manusia yang lebih baik dan mampan, penjawat awam disaran melengkapkan diri dengan pengetahuan, terutama dalam bidang teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT).

Bersama-sama kita memacu negara ke hadapan dalam membina negara bangsa berjaya dan berprestasi tinggi.

Wan Nur Madiah,  
Terengganu